



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 OGOS 2020 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

10 OGOS 2020 (ISNIN)



AZEEM (dua dari kiri) menunjukkan antara pelbagai barangan tiruan yang dilupus pada Jumaat lalu.

KPDNHEP lupus pelbagai barang tiruan berjumlah RM2.66 juta

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur telah melupus pelbagai barangan tiruan bernilai lebih RM2,659,812.32 bermula awal tahun ini sehingga Jumaat lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Azeem Nazuri berkata, jumlah tersebut melibatkan 152 kes atas pelbagai

kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987.

Ujarnya, pada Jumaat lalu, KPDNHEP Kuala Lumpur telah melupuskan pelbagai barangan tiruan bernilai kira-kira RM293,724.60.

“Barangan yang dilupuskan adalah baju dan seluar sukan, kasut, selipar, minuman keras,

aksesori wanita, beg tangan, cakera optik, aksesori telefon bimbit dan minyak pelincir.

“Kesemua barangan ini dilupuskan dengan cara dimusnahkan melalui sesi pelupusan, bilangan ke-11 untuk tahun ini yang telah mendapat arahan pelupusan daripada mahkamah dan pengawal akta,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



37 tong petrol dirampas PGA di Kampung Simpangan, Tumpat, semalam. (Foto ihsan PGA)

Lari tinggalkan 37 tong petrol di tebing sungai

Tumpat: Sebanyak 37 tong yang mengandungi 1,100 liter petrol ditinggalkan di tebing sungai sebaik ternampak kelibat pihak berkuasa, semalam.

Semua tong itu ditemui di tepi Sungai Golok di pangkalan haram Mok Da di Kampung Simpangan, di sini, sebaik dua lelaki yang dipercayai penyeludup melarikan diri ke negara jiran menggunakan bot galah.

Pegawai Pemerintah Batalion 9, Pasukan Ge-

rakan Am (PGA), Superintendan Nor Azizan Yusof, berkata anggotanya ternampak dua lelaki sedang memindahkan barang dari tebing sungai ke dalam bot ketika meronda kawasan di Kuala Jambu, kira-kira jam 8.30 pagi.

Katanya, menyedari kehadiran pihak berkuasa, pemandu bot bersama kedua-dua lelaki itu melarikan diri menaiki bot ke Sungai Golok dengan meninggalkan barangan di tebing sungai.

“Hasil pemeriksaan mendapati ia adalah 37 tong berisi 30 liter petrol setiap satu yang disyaki untuk diseludup ke Thailand,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Nor Azizan berkata, semua rampasan petrol yang dianggarkan bernilai RM1,864.80 itu dibawa ke Balai Polis Kuala Jambu untuk tindakan selanjutnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Bekalan barangan keperluan mudah diperolehi, mencukupi

KUALA LUMPUR - Bekalan barangan keperluan mencukupi, mudah diperolehi dan mampu menampung keperluan dalam negara secara berterusan, kata Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, ia berdasarkan pemantauan harian penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Setakat kelmarin sahaja pemantauan dibuat ke atas 12 jenis bekalan barangan di 543 premis perniagaan termasuk peruncit (390), pemborong (130) dan pengilang (23).

"Maka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, kerajaan ingin menggesa pengusaha dan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakkan fizikal dan kebersihan diri terutamanya dalam aktiviti jual beli barangan keperluan harian," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan PKPP di sini semalam.

Beliau berkata, penguat kuasa KP-



Kerajaan memberi jaminan bekalan makanan cukup dan mudah diperolehi di negara ini secara berterusan.

DNHEP juga telah melakukan 1,733 pemeriksaan khas pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKPP dan mendapati 1,697 premis mematuhi SOP ditetapkan manakala 35 premis diberi nasihat dan satu premis diberi amaran kerana tidak patuh SOP.

Dalam pada itu, mengenai Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai

Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ismail Sabri berkata, seramai 178 individu ditahan atas kesalahan ingkar arahan PKPP dan daripada jumlah itu, lapan direman, 169 individu dikenakan kompaun dan seorang dijamin.

Beliau berkata, seorang warga asing turut ditahan polis dalam Ops Benteng kerana kesalahan imigresen. - *Bernama*